

11 OCT 2000

Mahathir-Bosnia

PROGRAM BANTUAN UNTUK BOSNIA DISAMBUNG

Oleh: Wan A. Hulaimi

SARAJEVO, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengadakan perbincangan dengan Presiden Bosnia Alija Izetbegovic hari ini berkata hubungan perniagaan antara kedua-dua buah negara dan program bantuan untuk Bosnia akan disambung semula sekarang selepas Malaysia pulih daripada krisis kewangan serantau.

Dr Mahathir berkata Malaysia kini berada pada kedudukan yang lebih baik untuk bekerjasama dengan Bosnia dalam perniagaan serta bidang lain yang tidak disebutnya.

Katanya beliau membawa bersama-samanya satu kumpulan ahli perniagaan Malaysia bagi membantunya mengenalpasti produk yang boleh dibeli oleh Malaysia bagi meningkatkan hubungan dua hala.

Perdana Menteri berkata: "Dalam perbincangan kami hari ini, kami mengenalpasti syarikat yang sepatutnya terbabit dalam kerjasama dua hala ini."

Yang turut bersama Dr Mahathir dalam rangka lawatan setengah hari itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif Airod Tan Sri Ahmad Johan, Pengarah Urudan MBI Ventures Mohd Zaini Amran dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Datuk Abdul Rahman Abdullah.

Dr Mahathir juga berkata beliau berharap syarikat Sarajevo yang berpusat di Yugoslavia yang terbabit dalam kerja pembinaan di Malaysia sebelum Perang Balkan akan pulang ke Malaysia dan bergerak aktif semula dalam program usahasama.

Presiden Izetbegovic yang akan tamat tempoh jawatannya pula berkata Dr Mahathir telah menemui anggota Majlis Presiden sebaik tiba di sini tengah hari ini.

Jawatan presiden Bosnia digilirkan antara kumpulan etnik utama iaitu Islam Bosnia, Croatia dan Serbia.

Beliau menyifatkan Dr Mahathir sebagai "sorang rakan paling rapat dan terbaik Bosnia Herzegovina sebelum dan selepas perang."

Ini adalah lawatan kedua Dr Mahathir ke sini selepas perjanjian Dayton. Lawatan pertama dibuat sebaik selepas perang tamat apabila Dr Mahathir terpaksa di tempatkan di rumah tetamu dengan tingkap yang ditutup untuk mengelak daripada tembakan penembak curi.

Dr Mahathir juga telah melawat Bosnia Herzegovina sebelum perang bermula.

Pertemuan dengan anggota Majlis Presiden dan sidang media diadakan di bangunan presiden Austria-Hungary yang terselamat dalam serangan semasa pencerobohan Serbia selama dua tahun.

Pada sidang media itu Dr mahathir juga menyampaikan cek bernilai RM200,000 kepada Presiden Izetbegovic sebagai sumbangan rakyat Malaysia untuk Srebrenica, satu kawasan pembunuhan beramai-ramai paling dasyat ke atas penduduk Islam oleh tentera Serb pada akhir perang apabila kawasan itu diletakkan di bawah pengawasan pasukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dari Belanda.

Hari ini Dr Mahathir dengan disaksikan oleh Timbalan Menteri Luar Bosnia, Hussein Zivalj dan Datuk Bandar Sarajevo Dr Muhidin Hamamdzic, juga menyampaikan satu lagi cek bagi pihak Barisan Bertindak Bosnia di Malaysia kepada Imam kawasan Starigrad (bandar lama) untuk program pembangunan semula.

Masjid Khusraw-Bey yang dibina 12 tahun selepas kejatuhan Melaka kepada Portugis pada tahun 1511, merupakan kejayaan terbaik Kerajaan Othman di Sarajevo.

Khusraw Bey adalah anak lelaki aristokrat Turkey yang ibunya berdarah raja yang bertindak sebagai Wizurai Turki di sini selama 20 tahun mulai 1521.

Masjid itu dibina mengikut model senibina Islam dengan dilengkapi perpustakaan yang menempatkan manuskrip Islam yang bernilai dan jarang ditemui dalam pelbagai bidang, sebuah madrasah, pancutan air, menara jam dan sebuah "muvekithana", sebuah bilik yang lengkap dengan peralatan untuk mengukur kecondongan matahari.

Menara jam itu telah beberapa kali musnah dan seperti Bosnia, ia bertahan dalam keadaan yang terpelihara semasa aman.

Sebelum itu Dr Mahathir turut melawat sebuah sekolah Islam di kawasan Dobrinja dekat lapangan terbang. Sekolah itu yang sudah roboh, dibuka semula tiga tahun lepas hasil sumbangan lebih daripada AS\$1 juta daripada pelajar dan guru Malaysia di sini.

Dalam lawatan singkat itu, Dr Mahathir dan isteri Datin Siti Hasmah menginap di Konak, sebuah rumah tetamu yang bersejarah yang pernah digunakan oleh Archduke Ferdinand semasa lawatan ke sini awal abad ini.

Pembunuhannya oleh seorang rakyat Serbia, Princip, dekat jambatan yang terkenal di sini menyebabkan tercetusnya Perang Dunia Pertama.

Sebelum meninggalkan Bosnia untuk pulang ke Malaysia, Dr Mahathir memberi ceramah kepada sekumpulan 80 tetamu jemputan di bangunan Fakulti Undang-undang di Universiti Sarajevo.

Dr Mahathir juga ditemubual oleh televisyen dan radio Bosnia serta oleh wartawan akhbar Ljiljan.

Penerbit Ljiljan bertanggungjawab menterjemah buku "New Deal for Asia" (New Deal zur Azijn) tulisan Dr Mahathir dalam bahasa Bosnia.

-- BERNAMA

WAH MNY LAT